

23/07/2002

Rambut sama hitam, hati lain-lain

Kadir Dikoh

KIRA-KIRA dua jam sebelum keputusan rasmi bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit diumumkan, calon Barisan Nasional (BN) yang tewas, Datuk Zakaria Said, sudah mula menerima ucapan tahniah.

Pada waktu yang sama lewat petang Khamis lalu, calon BN yang menang bagi kerusi Parlimen Pendang, Datuk Othman Abdul, kelihatan muram dan cuba ditenangkan oleh beberapa rakannya kerana kiraan undi pada peringkat awal tidak menyebelahnya menyebabkan keadaan sungguh mendebarakan.

Bagi kerusi DUN Anak Bukit, sewaktu keputusan diumumkan pada jam 9.14 malam, Zakaria atau lebih dikenali sebagai "Tok Ya" masih berada di atas jalan, terperangkap dalam kesesakan lalu lintas ketika menuju ke Auditorium Bernas Anak Bukit, dekat bandar Alor Star.

Pertengahan jalan, beliau terpaksa bertukar kereta kepada jenis pacuan empat roda untuk dipandu melalui "off road" menggunakan jalan padang bola sepak.

Ketika itu, beliau yang memang dikenali suka berjenaka masih tersenyum setelah menerima banyak panggilan tahniah di telefon bimbitnya. Berita kemenangannya tersebar luas sehingga dikatakan sudah sampai ke Putrajaya.

Tidak hairan apabila sebahagian besar menteri Kabinet pusat sudah berkumpul di Auditorium Bernas yang tersergam indah itu pada malam berkenaan. Maka persiapan dibuat untuk meraikan kemenangan.

Di Pendang pula BN dikatakan tewas menyebabkan penyokong BN resah dan gelisah. Namun, keputusan di kedua-dua kerusi itu adalah sebaliknya.

Akhirnya, calon Pas di Anak Bukit, Amiruddin Hamzah yang menang dengan majoriti 508 undi, menewaskan Zakaria dan rakannya di Pendang, Dr Mohd Hayati Othman, pula tewas dengan majoriti 283 undi kepada Othman atau "Man Bedoi".

Rambut sama hitam, hati lain-lain. Dulu lain sekarang pun lain. Orang BN membuat perkiraan berdasarkan sambutan di pondok panas sewaktu tempoh pengundian.

"Kalau dulu, berdasarkan kedatangan pengundi di pondok panas, saya boleh menang sekalipun ditolak 10 peratus sebagai kiraan kasar yang lazim. Kalau lari pun tidak jauh sangat. Tetapi kali ini lain. Yang datang ke pondok kita (BN) pun tidak undi... dalam tong (peti undi) tak sama," kata Zakaria kepada Berita Harian.

"Bayangkan, pada jam 7 petang lagi laporan mengatakan saya menang. Ketika itu saya mendahului dengan 1,200 undi. Tetapi empat peti undi dari kawasan 'hitam' belum tiba untuk penjumlahan iaitu dari Kubang Raja, Matang Kong, Kubang Teduh dan Padang Hang. Peti undi inilah menyebabkan undi BN tewas," katanya.

Persoalan masih timbul, bagaimana petugas dan jentera BN boleh mendakwa menang sebelum keputusan rasmi diumumkan sehingga mendorong beberapa menteri berkumpul di Anak Bukit, bersedia untuk meraikan kemenangan yang akhirnya tidak menjadi. Beberapa pemimpin Umno di Kedah yang dihubungi ketika itu turut memberi jawapan positif bahawa BN bakal menang di Anak Bukit, tetapi harapan tipis di Pendang.

Wartawan juga serba salah dan terpaksa menukar "intro" berita awalan (rangka berita) beberapa kali sama ada kemenangan BN itu "2-0", "0-2" atau "1-1". Lazimnya pemberita sukan yang menyediakan "intro" awal seperti itu, tetapi kali ini wartawan politik pula bagaikan menulis berita sukan bola sepak antara "pasukan Umno dan Pas".

"Inilah kali pertama saya membuat liputan pilihan raya kecil yang begitu

sengit. Kedua-dua pihak Umno dan Pas mendakwa menang. Jadi siapa yang kalah?" kata seorang wartawan veteran New Straits Times setelah menghubungi beberapa kenalan lama dalam Pas dan Umno, menyukarkannya sekali lagi untuk membuat rangka berita.

"Kalau keputusan 2-0 atau 0-2 senang sikit. Tapi kalau seri 1-1, keseluruhan berita terpaksa dirombak berdasarkan keputusan seumpama itu," katanya dan terbukti kemudian, beliau merombak segala-galanya sebelum berita itu dihantar ke ibu pejabat akhbar arus perdana itu ke Kuala Lumpur.

Sebaliknya, orang Pas sudah meraikan kemenangan di Anak Bukit lebih awal iaitu sebaik saja pengiraan undi di pusat mengundi selesai, sebelum penjumlahan undi dilakukan.

Setiap ejen Pas di pusat pengiraan undi dikatakan terus menghubungi bilik gerakan bagi memberitahu jumlah undi sebenar diperoleh calon mereka dan lawannya BN, kemudian ia terus dimasukkan ke dalam komputer.

Calon Pas yang menang di Anak Bukit, Amiruddin, mendakwa ejen pengiraan (counting agent) mereka lebih cekap daripada ejen BN dan setiap keputusan di pusat pengiraan undi itu diberitahu melalui telefon bimbit.

"Petugas di bilik gerakan pula akan membuat penjumlahan undi melalui komputer. Kita dapati kita menang dengan majoriti sekitar 500 (keputusan rasmi 508 undi majoriti). Sebab itulah dari awal lagi (sebaik waktu mengundi ditutup dan pengiraan undi di situ selesai) saya dah tahu, saya menang.

"Saya balik ke markas Pas untuk salin baju (bagi meraikan kemenangan) dan pergi ke pusat penjumlahan undi (Auditorium Bernas), dan di situ saya jumpa Pak Lah. Kaedah yang sama juga kami gunakan di Pendang, tetapi saya difahamkan BN menggunakan pengiraan berdasarkan kehadiran pengundi di pondok panas," katanya.

BN dikatakan juga mempunyai kaedah yang sama, tetapi entah macam mana jentera itu bagaikan tidak berfungsi. Jika tidak, BN mungkin terpaksa meniru kaedah digunakan oleh Pas, bukan berdasarkan kedatangan pengundi di pondok panas bagi mengira ketepatan undi yang diperoleh.

Jika keputusan tepat itu diketahui lebih awal, menteri Kabinet dan pemimpin Umno mungkin boleh pergi berduyun-duyun ke Pendang bagi meraikan kemenangan calon BN di situ, bukan di Anak Bukit.

Amiruddin, seorang jurutera, berkata beliau sendiri menerima banyak pertanyaan kerana orang kata BN menang. "Tetapi saya dah tahu keputusan itu awal lagi," katanya yang tidak kisah sama ada dipanggil "Yang Berhormat" atau tidak walaupun selepas mengangkat sumpah nanti.

Selepas keputusan diumumkan secara rasmi, calon Pas itu diiringi ke Taman Aman oleh penyokongnya dan memberi ucapan dan kemudian berucap sekali lagi di markas Pas di kawasan Anak Bukit tidak jauh dari situ.

Malah, menjelang tengah malam, iaitu detik penghabisan kempen, kekalahan untuk BN sudah dirasai di Anak Bukit. Jalan Pantai Johor ke arah Taman Aman penuh sesak dengan kenderaan dan motosikal sehingga kesesakan teruk berlaku dalam keadaan hujan. Menjelang detik tengah malam, bacaan doa diadakan dan suasana amat menyebelahi Pas.

Jentera kempen BN turut bertumpu ke Anak Bukit tetapi mengapa calon BN tewas juga?

Namun "Tok Ya" tidak mahu menyalahkan sesiapa termasuk kemungkinan berlaku sabotaj dalam Umno Bahagian Kuala Kedah seperti didakwa sesetengah pihak menyebabkan kekalahannya.

Beliau menganggap dirinya sebagai "underdog" dan mengaku bukan senang untuk memenangi kerusi DUN yang sebelum itu diwakili oleh presiden sebuah parti pembangkang.

Zakaria berasa bangga dengan sokongan kuat daripada pemimpin dan menteri pusat termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi,

yang berkempen dari rumah ke rumah.

Selain Anak Bukit, Pak Lah siang dan malam turut berkempen di Pendang, kawasan luar bandar yang belum membangun sepenuhnya.

Malah, pada suatu hari ketika kempen itu, Pak Lah hanya menjamah makanan tengah hari pada jam 4 petang. Beliau 'lari' daripada jadual asal yang diatur oleh jentera kempen BN kerana mahu pergi ke kawasan 'hitam' di Kampung Baluh, Bukit Jenun iaitu kawasan penempatan FELDA di pedalaman, bersalaman dengan peneroka seorang demi seorang.

Ini menyebabkan kasut Timbalan Presiden UMNO itu bertukar warna kepada kekuningan disebabkan terpalit tanah merah. Dalam perjalanan pulang, beliau seperti rakyat biasa turut berhenti di tepi jalan membeli durian dan memakannya pada majlis yang dihidangkannya selepas itu sebagai tambahan kepada hidangan yang disediakan.

Ini menyebabkan penduduk tempatan termasuk penjual durian berasa amat mesra dengan Pak Lah. Kehadiran Pak Lah berkempen dari rumah ke rumah sebenarnya antara penyumbang kepada kemenangan BN di Pendang.

Kempen dari rumah ke rumah yang dilakukan oleh Timbalan Perdana Menteri itu termasuk di Anak Bukit dikatakan amat berkesan.

Namun, sesetengah pemerhati berpendapat BN sebenarnya mempunyai harapan cerah untuk menang di Anak Bukit pada masa akan datang dan mempertahankan Pendang berdasarkan aliran pengundian yang meningkat untuk BN. BN diibaratkan sebagai "underdog" memandangkan dua kerusi itu sebelum ini diwakili oleh Allahyarham Datuk Fadzil Noor.

Nescaya, mana-mana kawasan yang diwakili presiden sesebuah parti politik dianggap sebagai kubu dan benteng utama bagi parti itu hatta Kubang Pasu sekalipun yang diwakili Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sebab itulah PAS bermati-matian mahu mempertahankan Pendang dan Anak Bukit. Kalau BN kalah kedua-dua kerusi itu pun, ia boleh dianggap "OK" tapi bukan "OK" bagi PAS jika tewas semuanya, dari segi psikologi sebagai kawasan yang diwakili oleh presiden sesebuah parti," kata pemerhati.

Seperkara yang perlu direnung oleh BN dan UMNO ialah budaya berkempen. Biasanya memang ramai 'petugas UMNO' datang dari Kuala Lumpur dan negeri, tetapi apakah tugas sebenar yang dilakukan? Sesetengahnya dikatakan cuma memenuhi coffee house di hotel, mencari durian di Pendang yang memang enak atau pergi ke pekan Danok, Selatan Thailand.

"Sesetengahnya menggunakan kereta besar memasuki kampung. Kalau belanja minum orang kampung di kedai kopi, tak apa juga. Ini depa datang nak cari durian, pasang lambang BN kat kereta. Tanya BN boleh menang atau tidak, kemudian pecut balik ke hotel di bandar Alor Star. Malam sembang di coffee house," kata seorang petugas di salah sebuah bilik gerakan BN di Pendang.

Katanya, apa yang dikesalkan ialah kedatangan orang macam ini juga menyebabkan jalan sesak termasuk mengikut konvoi kereta VIP yang pergi berkempen, bukan buat apa pun kecuali menyibuk.

Mungkin UMNO perlu bertindak untuk mengkaji semua ini dan pastikan agar mereka yang benar-benar menjalankan tugas dibenar pergi ke sesuatu kawasan pilihan raya, senaraikan nama mereka, catatkan jadual harian dan tubuhkan jawatankuasa kecil untuk mengawasi petugas BN.

Ini juga pernah berlaku dalam pilihan raya di Sarawak dan Sabah tidak berapa lama dulu, apabila kereta BN kelihatan diletakkan di hadapan rumahurut setiap malam. Kalau nak pergi sekalipun, tak bolehkah tanggalkan bendera BN pada kereta bagi menjaga nama baik parti? Ini juga dikatakan berlaku di hadapan beberapa hotel di Danok sewaktu pilihan raya kecil Indera Kayangan di Perlis sebelum ini.

Mungkinkah undi untuk BN akan bertambah sedikit di Pendang dan Anak Bukit jika tidak kerana kerenah orang BN dan UMNO itu sendiri?

"Sekurang-kurangnya, beberapa undi boleh hilang apabila pengundi melihat semua kerenah yang kurang sopan ini," kata seorang penduduk di Anak Bukit

sambil memuji petugas Pas yang bekerja bersungguh-sungguh dan tidak melepak di coffee house.

Sebenarnya, BN berjaya mengurangkan majoriti yang banyak di Anak Bukit iaitu daripada 1,840 undi yang diperoleh Fadzil pada pilihan raya umum 1999, kepada cuma 508 undi dalam pilihan raya kecil kali ini.

Calon Pas, Amiruddin memperoleh 8,298 undi manakala Zakaria yang juga bekas Exco Kedah mendapat 7,790 undi. Undi ditolak pula 197. Pada 1999, Fadzil meraih 8,480 undi mengalahkan pencabar tunggalnya dari BN, Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin yang mendapat 6,640 undi dengan majoriti 1,840 undi.

Calon BN di Pendang, Othman menewaskan Dr Mohd Hayati Othman dengan majoriti 283 undi. Othman, bekas Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, mendapat 22,825 undi, manakala lawannya memperoleh 22,542 undi.

Pada pilihan raya umum 1999, Allahyarham Fadzil menewaskan Othman yang mewakili kerusi itu sejak memenangnya pada pilihan raya kecil 1983 (ketika itu dikenali sebagai Hulu Muda) dengan majoriti 2,939 undi.